

Headline	Program Iqra bantu persediaan persekolahan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	504 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,053
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,159



Program Iqra bantu persediaan persekolahan

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Program Iqra yang dilancarkan oleh Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dapat membantu persediaan ibu bapa untuk anak-anak mereka yang bakal memulakan persekolahan pada tahun hadapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menyifatkan program tersebut sebagai satu pendekatan kreatif dan berinovasi berbanding cara bantuan dihulurkan sebelum ini.

"Kalau dulu kita sampaikan (bantuan) di awal tahun, mungkin ada kemeriahan tetapi dari sudut ekonomi ataupun pengurusan bajet, ibu bapa terpaksa membeli dahulu pakaian anak mereka.

"Ia bermakna, serapan bantuan itu tidak begitu tepat kepada pemberian, tetapi ia hanya lebih bersifat tambahan. Program kali

ini pula merupakan satu persediaan awal yang membenarkan ibu bapa menguruskan kewangan mereka untuk pembelian peralatan-peralatan pada sebelum bermulanya sesi persekolahan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program Iqra Tabung Haji 2016 dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengarah

Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah.

Dalam masa sama, tambahnya, program tersebut bersifat serampang dua mata yang bermatlamat mendidik minda, membentuk peribadi, menggilap potensi diri serta mengukuhkan jati diri pelajar-pelajar.

"Tabung Haji akan mengagihkan sumbangan zakat di bawah

Program Iqra dengan tujuan membolehkan pelajar-pelajar asnaf dan kurang berkemampuan membuat persediaan serta persiapan untuk sesi persekolahan 2017.

"Setiap pelajar akan menerima sumbangan sebanyak RM500

iaitu kelengkapan persekolahan bernilai RM200 dan wang tunai RM300. Jumlah sumbangan keseluruhan adalah RM234,000 untuk 468 orang pelajar dari 16 buah sekolah terpilih," katanya.

Beliau juga sempat berpesan supaya sumbangan wang tunai RM300 yang diterima digunakan bagi tujuan menjelaskan yuran persekolahan, membeli buku dan keperluan persekolahan sahaja.

Bagi 2016, Tabung Haji menyasarkan agihan zakat pendidikan berjumlah RM2 juta untuk 4,000 pelajar asnaf terpilih di bawah Program Iqra yang dilaksanakan di seluruh negara sepanjang bulan ini.



JAMIL KHIR BAHAROM dan Abdul Azeez Rahim bersama pelajar dalam Program Iqra di Batu Caves, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Johan Abdullah (kanan). - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR